

07 SEP 2002

Mahathir-Iraq

MALAYSIA BINCANG DENGAN NEGARA ISLAM SERANGAN TERHADAP IRAQ

CYBERJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan berbincang dengan negara Islam yang lain mengenai serangan Amerika Syarikat dan Britain terhadap Iraq dan akan menyuarakan pendiriannya yang tidak bersetuju dengan serangan itu.

Sambil menyatakan beliau dukacita dengan serangan berkenaan, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak akan terlibat dengan apa jua tindakan seumpama itu.

"Kita akan berhubung dengan negara-negara Islam yang lain," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pertemuan dengan para anggota Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (IAP-MSM) di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini mengenai serangan yang dimulakan Amerika Syarikat dan Britain itu terhadap sebuah pangkalan udara di bahagian utara Iraq dan di zon larangan penerbangan di selatan negara itu.

Menurut laporan, kira-kira 100 pesawat digunakan dalam serangan itu dua hari lepas yang dilihat sebagai bertujuan melemahkan pertahanan udara Iraq.

Dr Mahathir berkata serangan itu tidak akan menolok usaha menentang keganasan.

"Ia akan menimbulkan perasaan marah lebih banyak di kalangan orang tertentu dan kerjasama untuk berlawan dengan penganas mungkin akan terbantut," katanya.

Mengenai perkara lain, beliau ditanya tentang usaha menggalakkan generasi muda meningkatkan inovasi dan kreatif dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Perdana Menteri berkata pelbagai latihan sedang diadakan di MSM terutama oleh syarikat-syarikat IT yang mengambil bahagian.

"Mereka janji untuk beri latihan supaya kita dapat idea baru...hari inipun nampak teknopreneur kita berjumpa dengan anggota IAP untuk membincangkan tentang kemungkinan yang ada," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai PAS yang dikatakan membuat janji tetapi sering tidak ditunaikan dan beliau berkata beliau tidak hairan dengan sikap parti itu yang berani membuat apa jua janji walaupun ia sedar bahawa ia tidak berupaya untuk berbuat apa-apa.

Beliau diminta mengulas segmen 'Kelantan Dalam Gerhana' yang disiarkan TV1 RTM yang antara lain menunjukkan kegagalan kerajaan negeri itu menjalankan projek pembangunan.

-- BERNAMA

FAY AZZ RON